

**P.U. (A) 86.****AKTA KAWALAN BEKALAN 1961****PERATURAN-PERATURAN KAWALAN BEKALAN (LARANGAN EKSPORT) 2011**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 6(2)(b), Akta Kawalan Bekalan 1961 [Akta 122], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan (Larangan Eksport) 2011**.

(2) Peraturan-Peraturan ini hendaklah mula berkuat kuasa pada 15 Mac 2011.

**Tafsiran**

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya mengkehendaki makna yang lain “eksport” dengan variasi gramatisnya dan ungkapan seasaal dengannya ertiaya membawa atau menyebabkan dibawa keluar dari Malaysia melalui darat, laut atau udara atau meletakkan apa-apa barang dalam sesuatu vesel, kenderaan atau pesawat udara bagi maksud supaya barang itu dibawa keluar dari Malaysia melalui darat, laut dan udara.

**Larangan eksport**

3. (1) Mana-mana orang tidak boleh mengeksport apa-apa barang kawalan yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Pertama melebihi kuantiti yang dinyatakan dalam ruang (2) ke mana-mana destinasi.

(2) Mana-mana orang tidak boleh mengeksport apa-apa barang kawalan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua ke mana-mana destinasi.

**Ketidakpakaian**

4. (1) Walau apa pun subperaturan 3(1), larangan eksport tidak terpakai kepada pengilang barang kawalan yang mendapat kebenaran bertulis daripada Pengawal Bekalan.

(2) Walau apa pun subperaturan 3(2), larangan eksport tidak terpakai kepada mana-mana orang yang mendapat kebenaran bertulis daripada Pengawal Bekalan.

(3) Tanpa menjelaskan subperaturan (1) dan (2), apa-apa pengeksportan barang kawalan oleh pengilang atau mana-mana orang hendaklah tertakluk kepada syarat yang dikenakan oleh Pengawal Bekalan di bawah kebenaran bertulis itu.

**Kesalahan**

5. Mana-mana orang yang tidak mematuhi peruntukan Peraturan-Peraturan ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—

- (a) jika orang itu ialah selain daripada suatu pertubuhan perbadanan, tetapi termasuk pengarah atau pegawai suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya, dan bagi kesalahan kedua atau berikutnya, denda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya; atau
- (b) jika ia adalah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit, dan bagi kesalahan kali yang kedua atau yang berikutnya tidak melebihi lima ratus ribu ringgit.

**Pembatalan**

5. Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan (Larangan Eksport) 2000 [P.U. (A) 367/2000] dibatalkan.

JADUAL PERTAMA  
[subperaturan 3(1)]

(1)	(2)
<i>Barang kawalan</i>	<i>Kuantiti</i>
Tepung gandum	—
Bahan api diesel	20 liter
Petrol RON 95	—
Gas Cecair Petroleum	—

JADUAL KEDUA  
[subperaturan 3(2)]

Diesel laju tinggi

Dibuat 4 Mac 2011  
[KPDN(PUU)(PU<sup>2</sup>)26/5/12-1; PN(PU<sup>2</sup>)188/VI]

DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB  
*Menteri Perdagangan Dalam Negeri,  
Koperasi dan Kepenggunaan*